

**SIARAN MEDIA**

**UNTUK KELUARAN SEGERA**

**TERAJU PERUNTUK RM120 JUTA UNTUK PROGRAM MELONJAK USAHAWAN BUMIPUTERA KE PERINGKAT SETERUSNYA**

*Program termasuk Pra-Eksport, Dana Pembiayaan Ekuiti SME Bumiputera (BASE) dan Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)*

**Petaling Jaya, 13 Ogos 2015** – Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) mengumumkan kerjasama terbaru bersama Pusat Pembangunan Reka Bentuk Malaysia (DDEC), SME Bank dan SME Corporation Malaysia (SME Corp) di Majlis Sesi Rangkaian TeraS kelima yang berlangsung hari ini. Kerjasama bernilai RM 120 juta ini mensasarkan syarikat yang sedia mengeksport, usahawan dan golongan belia serta menawarkan sokongan dalam pembiayaan dan pembangunan kapasiti. Usahasama ini membolehkan usahawan Bumiputera menjadi lebih berdaya saing di pasaran domestik serta global.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) TERAJU, Dato' Husni Salleh menjelaskan, "Program-program ini mengambil pendekatan holistik, menyediakan peluang dan menggalakkan keusahawanan dari tahap tercetus idea sehingga peringkat pasaran global. Sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMK11) untuk meningkatkan pemilikan kekayaan dan pendapatan isi rumah B40, kerjasama seumpama ini mencerminkan fokus TERAJU dalam membangunkan kapasiti keusahawanan dan menggalakkan penyertaan dalam aktiviti yang meningkatkan produktiviti, inovasi serta ekonomi."

Di majlis berkenaan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed menyaksikan majlis menandatangani dua perjanjian kerjasama dan satu memorandum persefahaman antara TERAJU dan rakan strategik. Perjanjian kerjasama bersama SME Bank untuk program Dana Pembiayaan Ekuiti SME Bumiputera (BASE) telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, Dato' Husni dan Pengarah Urusan Kumpulan SME Bank, Datuk Mohd Radzif Mohd Yunus. Sejajar dengan program itu, RM100 juta diperuntukkan kepada SME Bank untuk menyediakan pembiayaan ekuiti kepada

syarikat PKS Bumiputera berkeelayakan. Secara tidak lansung ini memudahkan syarikat-syarikat ini untuk memperolehi kepada pembiayaan bagi pengambilalihan ekuiti syarikat dengan tujuan untuk mengambil alih dan/atau memperkembangkan syarikat atau kepelbagaian perniagaan.

Bagi program Pembinaan Kapasiti Pra-Ekспорт, Dato' Husni Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif DDEC, Datuk Abd Rahim Hassan menandatangani perjanjian kerjasama di mana DDEC bakal menerima peruntukan sebanyak RM10 juta untuk membantu usahawan Bumiputera dalam pembinaan jenama serta aktiviti pembangunan seperti penjenamaan, pembungkusan dan pelabelan. 20 usahawan/syarikat Bumiputera yang layak dan berpotensi dari industri Makanan & Minuman (F&B) akan dikenalpasti bagi di mana mereka berpeluang untuk menambahbaik penjenamaan dan pembungkusan produk serta jangkauan pasaran asing melalui pengeksportan produk.

Dato' Husni Salleh turut menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Dato' Hafsa Hashim bagi Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di mana peruntukan sebanyak RM10 juta akan disediakan. TUBE akan dilaksanakan oleh SME Corp melalui Strategi Laut Biru Nasional yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. TUBE bertujuan menggalakkan penglibatan belia Bumiputera dalam bidang keusahawanan dengan menyediakan bimbingan, nasihat serta bantuan kewangan melalui program Geran Perniagaan & Sistem Kawan (*Buddy System*) dan Aktiviti Pengurusan. Selain daripada itu, TUBE juga mensasarkan penyertaan 500 belia Bumiputera, di mana sekurang-kurangnya 80% daripadanya akan terus beroperasi selepas sesi *coaching* dan mempunyai jualan purata tahunan berjumlah RM36,000.

Tujuh puluh lapan syarikat TeraS daripada pelbagai sektor telah menghadiri sesi rangkaian yang terbahagi kepada tiga sesi. Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed turut berkongsi pandangan mengenai pasaran eksport dan kesan Rancangan Malaysia Ke-11 akan memberikan manfaat kepada perkembangan usahawan Bumiputera, yang kemudiannya diikuti dengan sesi soal jawab.



Sesi Rangkaian TeraS adalah program yang dianjurkan setiap bulan bertujuan untuk membina rangkaian, berkongsi pengetahuan serta menyediakan platform pendedahan kepada pemimpin industry. Melalui sesi ini, syarikat TeraS berpeluang untuk berkongsi serta membincangkan cabaran yang dihadapi serta bertukar fikiran tentang penyelesaian dalam menghadapi isu-isu ekonomi semasa.

**-END-**

## TENTANG TERAJU

Penubuhan TERAJU telah diumumkan oleh Perdana Menteri YAB Datuk Seri Najib Tun Razak pada hari Selasa, 8 Februari 2011, untuk memimpin, menyelaraskan dan memacu penyertaan Bumiputera dalam ekonomi melalui inisiatif sedia ada dan baru dan untuk mencadangkan pembaharuan institusi, untuk meningkatkan keberkesanan. TERAJU melaksanakan penajajaran strategik sumber-sumber kerajaan dan agensi-agensinya. Ia telah diperkenalkan sebagai "Game Changer" untuk memperkukuh dan memperkasakan Agenda Pembangunan Bumiputera.

Matlamat utama adalah untuk membolehkan masyarakat Bumiputera merebut peluang-peluang dan sama-sama mendapat manfaat daripada pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Tumpuan TERAJU akan berada di kawasan-kawasan berikut:

- Penciptaan keusahawanan & kekayaan
- Pembiayaan
- Pendidikan & pekerjaan
- polisi kajian instrumen institusi &
- Pengurusan pihak berkepentingan

TERAJU juga bertindak sebagai Sekretariat untuk "Majlis Ekonomi Bumiputera" ("MEB").

Dikeluarkan oleh bzBee Consult Sdn Bhd bagi pihak Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)

**Untuk maklumat lanjut:**

Alia Wahidin – 017 991 5354, [alia@bzbee.com.my](mailto:alia@bzbee.com.my)  
Felicia Ds Dousi – 010 290 3092, [felicia@bzbee.com.my](mailto:felicia@bzbee.com.my)